

PM beri tempoh enam bulan Pemudah lakukan perubahan

um - 9/2/2007

PUTRAJAYA 8 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi tempoh enam bulan kepada Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) untuk melakukan perubahan dalam sistem penyampaian terutama berkaitan perjalanan ekonomi negara.

Perdana Menteri menegaskan, beliau mahu melihat kemajuan itu dicapai dalam masa yang singkat.

"Saya berharap ia akan dapat mencapai sesuatu kemajuan yang dapat dilihat dan dirasai dengan jelas dalam masa yang sesingkat boleh, saya beri enam bulan untuk membuat perubahan, Pemudah perlu menjadikannya berjaya.

"Tak boleh kata tiada apa-apa, anda tidak boleh mencapai apa-apa, tiada apa yang berlaku, mana boleh (berkata demikian). Harap ahli-ahli badan itu akan membuktikan betapa seriusnya mereka dan sentiasa hadir mesyuarat yang diadakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini.

Kunjungan diraja itu turut disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor bersama beberapa menteri Kabinet yang lain.

Dalam kunjungan pertama kali ke JPM itu, Seri Paduka dan Raja Permaisuri turut melawat bilik mesyuarat jemaah menteri dan mendengar taklimat daripada Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Semalam Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataannya mengumumkan penubuhan Pemudah dalam usaha menambah baik sistem penyampaian kerajaan terutama yang berkaitan dengan perjalanan ekonomi negara.

Sebagai permulaan, Pemudah akan memberi tumpuan kepada isu-isu sistem penyampaian di peringkat kerajaan tempatan bagi menjadikannya lebih cekap, responsif dan mesra perniagaan.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, Pemudah yang dianggotai oleh wakil-wakil dari sektor awam dan swasta dengan Mohd. Sidek menjadi pengerusi dan timbalannya, Datuk Yong Poh Kon akan sentiasa berjumpa untuk berbincang serta mencari penyelesaian terhadap masalah dalam kedua-dua sektor itu.

Melalui kerjasama dua sektor itu, katanya, Pemudah boleh memberi pandangan mengenai langkah atau pendekatan baru yang boleh membantu mereka menjayakan lagi usaha meningkatkan kecekapan.